

 <b>MDBG</b>	<b>BAHAGIAN PELESENAN</b> <b>JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN</b> <b>MAJLIS DAERAH BATU GAJAH</b> <b>JALAN HAJI ABDUL WAHAB,</b> <b>31000 BATU GAJAH.</b>
<b>SYARAT-SYARAT LESEN PASAR PAGI DAN PASAR MALAM</b>	
Borang / MDBG / JP – 27	No. Telefon   05-3632020-3632030 No. Fax   05-3665930 E-mail   pelesenan@mdbg.gov.my

1. Menjalankan perniagaan di petak yang diluluskan oleh pihak Majlis sahaja ;
2. Kebersihan petak yang digunakan perlu diselenggara dan dijaga dengan baik semasa bermiaga dan selepas tamat waktu bermiaga, serta menyediakan tong sampah yang secukupnya dan bersih dari sebarang kekotoran ;
3. Peniaga hanya dibenarkan menggunakan peralatan mudah-alih seperti meja, kerusi, 'stall', dan peralatan mudah-alih tersebut perlu di simpan atau di alih selepas aktiviti perniagaan selesai ;
4. Tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan atau meletakkan atau menyimpan peralatan di tempat yang digunakan sebagai tempat tambahan untuk perniagaan selepas sahaja waktu yang dibenarkan ;
5. Peniaga perlu memastikan kawasan yang disewa tidak mengganggu lalulintas atau menyebabkan kacauanggu kepada pihak lain dan tiada sebarang struktur kekal dibenarkan di petak berkenaan ;
6. Tempoh lesen yang dibenarkan adalah untuk **dua belas (12) bulan** setiap permohonan, dan perlu diperbaharui sebelum tamat tempoh tersebut ;
7. Peniaga perlulah mematuhi had operasi yang dibenarkan mengikut Masa Operasi Perniagaan yang diluluskan oleh Bahagian Pelesenan MDBG. Masa aperasi adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	PASAR PAGI	PASAR MALAM
i	Waktu Masuk	6.00 pagi	4.00 petang
ii	Waktu Keluar	1.00 tengahari	1.00 pagi
iii	Waktu Perniagaan	7.00 pagi – 12.00 tgh	5.00 ptg – 12.00 malam
iv	Jangkamasa Perniagaan	6 Jam	6 Jam

8. Peniaga adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak Majlis, dan jika terdapat aduan-aduan yang berasas, MDBG boleh membatalkan lesen dengan serta merta ;
9. Pihak Majlis berhak untuk menarik balik kelulusan lesen yang diberikan, sekiranya terdapat sebarang perlanggaran yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu yang berkenaan dan pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan dipatuhi ;

10. Bagi peniaga yang menjalankan perniagaan barang-barang basah seperti daging, ayam, ikan, sayuran, buahan dan lain-lain berkaitan, hanya dibenarkan menyewa minima 2 petak dan maksima 4 petak sahaja ;
11. Seseorang penama peniaga hanya dibenarkan menyewa maksima dua (2) petak sahaja, dan jika didapati ada peniaga yang menggunakan nama keluarga atau adik beradik untuk mendapatkan lebih dari dua petak, pihak Majlis mempunyai budibicara untuk membatalkan Lesen Pasar Malam @ Pasar Pagi ;
12. Bagi peniaga yang membawa masuk kenderaan ke petak perniagaan, kenderaan hendaklah di susun dengan teratur bagi tidak mengganggu lalu lintas dan enjin kenderaan perlu dimatikan sepanjang masa operasi Pasar Malam @ Pasar Pagi ;
13. Bagi peniaga yang menggunakan kenderaan bergerak seperti van, lori kecil, dan motosikal, perlu memastikan tempat letak kenderaan adalah dalam keadaan yang tersusun bagi memastikan setiap pengunjung yang datang dapat meletakkan kenderaan mereka di tempat yang sepatutnya dan tidak meletak kenderaan di tempat yang tidak sepatutnya yang boleh menimbulkan kesesakan lalu lintas seperti di bahu jalan ;
14. Bagi tujuan penyeragaman dan pengecaman, pihak Majlis akan **mewajibkan** penggunaan topi dan 'apron' yang dikeluarkan oleh pihak Majlis sahaja. Peralatan tersebut boleh di dapat dan dibeli terus di Bahagian Pelesenan MDBG ;
15. Peniaga dan pekerja yang terlibat dalam perniagaan yang melibatkan makanan dan minuman perlu memakai topi dan 'apron' yang diluluskan sepanjang masa perniagaan dijalankan ;
16. Peniaga diwajibkan mempamerkan Lesen Pasar Pagi @ Lesen Pasar Malam MDBG sepanjang tempoh masa perniagaan dijalankan dan meletakkannya di tempat yang senang untuk dilihat serta di larang sama sekali mempelawa atau menyewa kepada lain-lain peniaga untuk bermula di petak yang dibenarkan;
17. Perniagaan hanya dibenarkan dipetak yang diluluskan sahaja seperti yang tertera dalam Lesen Pasar Pagi @ Pasar Malam yang sah ;
18. Bagi peniaga Pasar Malam, penggunaan tenaga elektrik yang menggunakan mesin seperti 'genset', bateri berkuasa tinggi, peniaga dinasihatkan untuk meletakkan peralatan tersebut di sebelah belakang kawasan perniagaan bagi mengelakkan sebarang pencemaran seperti asap, buni, bau dan lain-lain kekotoran yang boleh mengganggu keselesaan pengunjung dan peniaga-peniaga yang berada bersebelahan ;
19. **PERINGATAN** : Pihak MDBG tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan/kecederaan/kehilangan/kecurian yang berlaku semasa tempoh perniagaan dijalankan dan
20. Sebarang syarat-syarat yang dikenakan tertakluk kepada pindaan pihak Majlis Daerah Batu Gajah.

ARAHAN ;

YANG DIPERTUA  
MDBG